

Pelantikan Makhdzir Satu Kejutan

Oleh: **MOHD RUSDY
HASAN**

SERDANG (TP): Pelbagai spekulasi mengenai pelantikan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) universiti ini akhirnya terjawab apabila Profesor Madya Dr Makhdzir Mardan diumumkan sebagai penyandang jawatan itu.

Jawatan nombor dua UPM itu telah dikosongkan selama tiga bulan setelah bekas TNC (Pembangunan) Profesor Dr. Abdul Rahman Md Aroff menamatkan perkhidmatan (bersara) pada Mei lepas.

Prof. Madya Dr Makhdzir bin Mardan telah dipilih sebagai Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) yang baru berkuatkuasa 1 Jun 2001. Pelantikan beliau adalah untuk tempoh tiga tahun dan dijangka tamat pada 31 Mei 2004.

Dr Makhdzir yang sebelum ini adalah Pengarah Institut Multimedia dan Perisian (IMP) UPM merupakan seorang yang bertang-

gung jawab dalam merancang dan memantapkan usaha universiti untuk muncul sebagai sebuah universiti digital.

Beliau sekarang ini melibatkan diri secara aktif sebagai penyelidik yang bertanyakan bidang multimedia telah banyak membantu menjana aktiviti universiti terutama dalam pembangunan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT).

Anak kelahiran Muar, Johor ini juga banyak terlibat dengan bidang pemeliharaan lebah dan pendebungaan malah beliau seorang pakar dalam bidang tersebut.

Semasa mengulas mengenai pelantikan tersebut Dr Makhdzir berkata seperti mana-mana universiti tempatan kini UPM menghadapi pelbagai cabaran akibat perubahan global terhadap sektor pendidikan dunia.

“Pertandingan dengan universiti luar negeri dan juga IPTS maka saya merasakan bahawa ini suatu tanggung jawab saya untuk membantu kepimpinan



Dr. Makhdzir Mardan

Naib Canselor untuk menghadapi cabaran ini sebagai suatu pasukan,”

“Saya percaya jikalau UPM dapat mengatur strategi yang teratur dan sistematis Insya Allah UPM boleh menjadi universiti 20 teratas di Asia seperti visi UPM bagi tempoh 2010,” tambahnya dengan penuh harapan.

Menurut sumber yang boleh dipercayai sebelum ini Dr Makhdzir pernah menolak tawaran pangkat dan gaji yang lebih lumayan semata-mata ingin berkhidmat dengan UPM dan memberi sumbangan dalam pembangunan bidang IT dan multimedia di kampus ini.